

# **TEKS UCAPAN PENUTUP**

**OLEH**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**

**SUKAN KERAJAAN TEMPATAN ZON UTARA  
(SUKTU) KE 2**

**24 APRIL 2011**

**BERTEMPAT DI  
PENANG GOLF RESORT, BERTAM PERDANA  
KEPALA BATAS**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS**

**YANG BERBAHAGIA AHLI-AHLI MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**YANG BERUSAHA SURVEYOR TUAN HJ ROZALI BIN HJ  
MOHAMUD  
SETIAUSAHA PERBANDARAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI MOHAMAD SHAFIE BIN  
ARIFFIN  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**

**YANG BERBAHAGIA DATO HAJI ROSIDI BIN HAJI HASHIM  
DATUK BANDAR IPOH.**

**YANG BERBAHAGIA ENCIK ROSLI BIN MAT  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

**YANG BERBAHAGIA TUAN SYED OMAR BIN SYED MAHMUD  
AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

**YANG BERUSAHA EN ABDUL KHAIR BIN HAJI AHAMAD  
SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**

**YANG BERUSAHA ENCIK SUHAIMI BIN MAJID  
SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

**YANG BERUSAHA ENCIK ROZAIMI BIN ABD. RAHIM  
PENOLONG SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI  
PETANI.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI SEKALIAN**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHITAALA  
WABAROKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA WARGA MAJLIS YANG MEWAKILI PBT MASING-MASING BAGI MENJAYAKAN KEJOHANAN SUKAN KERAJAAN TEMPATAN ZON UTARA IAITU SUKTU.

SELAMA 3 HARI PARA KONTINJEN DAN ATLET YANG MEWAKILI PBT MASING-MASING BERKAMPUNG DI SEBERANG PERAI INI UNTUK MENJAYAKAN SUKAN KERAJAAN TEMPATAN DENGAN PENGLIBATAN MENYELURUH DALAM PELBAGAI ACARA SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN TERMASUK LAH SUKAN GOLF PADA HARI INI.

SAYA JUGA BERASA SUNGGUH GEMBIRA SEKALI KERANA SUKAN KERAJAAN TEMPATAN INI TELAH BERJAYA MEMARTABATKAN SEMULA PBT PADA TAHAP YANG TINGGI DAN TELAH MEMBINA SEMANGAT BARU DAN CELIK MATA UNTUK KESINAMBUNGANNYA PADA MASA HADAPAN

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN SEKALIAN**

KITA SEMUA SEDIA MAKLUM BAHAWA SETIAP ACARA SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN MEMPUNYAI CABARAN DAN HALANGAN YANG TERSENDIRI. SEPERTIMANA ACARA SUKAN PADA HARI INI IAITU GOLF, MEMERLUKAN KESABARAN, KEMAHIRAN SERTA SEMANGAT JUANG YANG TINGGI BAGI MEMENUHI HALANGAN YANG ADA. NAMUN, APA YANG PALING PENTING DALAM SETIAP ACARA SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN ADALAH SEMANGAT KESUKANAN, KREDIBILITI DAN KERJASAMA ANTARA ATLET-ATLET YANG BERTANDING SENTIASA DIPAMERKAN.

MELALUI SUKAN, IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGEKALKAN KESIHATAN FIZIKAL MALAH MEMBINA KEKUATAN MENTAL SEPERTI MENGAWAL EMOSI, FOKUS, MENYUSUN STRATEGI DAN MEMBINA SEMANGAT BERPASUKAN. DI SINI KITA BOLEH MELIHAT KEKUATAN MENTAL MAMPU MEMPENGARUHI CORAK PERMAINAN DISAMPING KEKUATAN FIZIKAL YANG DIMILIKI. SELAIN ITU, SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI DI KALANGAN ATLET JUGA DAPAT MELATIH DIRI UNTUK MEMPUNYAI MINDA YANG TERBUKA, SANGGUP MENERIMA DAN RESPONSIF KEPADA PELBAGAI SITUASI. SEKIRANYA MENANG ATAUPUN TEWAS DALAM SESUATU PERTANDINGAN, ATLET DAPAT MENERIMANYA DENGAN HATI YANG TERBUKA.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN SEKALIAN**

WALAUPUN PERJUMPAAN KITA BERLANGSUNG DALAM TEMPOH YANG SINGKAT TETAPI DIHARAP JALINAN KOMUNIKASI ANTARA KITA SEMUA SENTIASA BERTERUSAN. DIHARAP, PENGANJURAN SUKAN KERAJAAN TEMPATAN UNTUK TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA DAPAT DILANGSUNGKAN DI LAIN-LAIN PBT PULA. SELAKU TUAN RUMAH UNTUK KEJOHANAN SUKAN KERAJAAN TEMPATAN KALI KEDUA PADA KALI INI, SEKIRANYA TERDAPAT KEKURANGAN DARI PIHAK KAMI, ANGGAP LAH YANG KURANG ITU DARI KELEMAHAN KAMI SENDIRI DAN YANG BAIK ITU DARI ALLAH SUBHANHUWATAALA.

SUKACITA SAYA INGIN MENGUMUMKAN DI SINI BAHAWA, SETELAH MENDAPAT MANDAT, PERSETUJUAN DAN KEPUTUSAN DARIPADA SEMUA AHLI GABUNGAN, **MAJLIS PERBANDARAN KULIM TELAH KITA MASUKKAN KE DALAM SENARAI BERSAMA GABUNGAN PBT**

WILAYAH UTARA MENJADIKAN KESEMUA PBT YANG ADA DALAM GABUNGAN INI BERJUMLAH **SEMBILAN** KESEMUANYA.

DAN SETERUSNYA SAYA INGIN MEMAKLUMKAN BAHAWA **LOKASI SETERUSNYA SUKAN KITA INI IALAH MAJLIS BANDARAYA IPOH**. TAHNIAH KEPADA MAJLIS BANDARAYA IPOH KERANA MENYAHUT CABARAN UNTUK MELAKSANAKANNYA SEMOGA IANYA BERJAYA DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA DAN GILANG GEMILANG

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA YANG TERLIBAT DAN SEMUA PIHAK YANG BERTUNGKUS LUMUS DALAM USAHA MENJAYAKAN KEJOHANAN SUKAN INI. SEMOGA KITA AKAN BERJUMPA LAGI **DI IPOH PADA TAHUN 2012**.

SEKIAN, WABILAHITAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WAROHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.